

Islam pandang tinggi pengorbanan ibu bapa

B/HARIAN

8/8/19

MS 76

Hormat kepada ibu bapa adalah sesuatu yang amat dituntut dan tidak boleh diabaikan. Firman Allah SWT: *"Dan kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapanya; ibunya mengandungnya dengan mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan dan mencecaikan susunnya dalam masa dua tahun; bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua-dua ibu bapamu; dan kepada Akulah tempat kembalimu."* (Luqman: 14)

Islam memandang tinggi pengorbanan ibu bapa dan tentu saja perbuatan berkasar, perlakuan sumbang serta derhaka sangat bertentangan dengan syarak dan dimurkai Allah SWT.

Tidak rugi sekiranya kita berbakti kepada kedua ibu bapa yang menghabiskan lebih daripada separuh abad usianya membesar-

kan, mendidik dan memastikan kejayaan anaknya di dunia dan akhirat.

Sabda Rasulullah SAW: "Orang yang mahu dipanjangkan umur dan ditambahkan rezeki, maka berbaktilah pada orang tua dan sambungkanlah tali silaturahim. (HR Ahmad)

Menyantuni, menyayangi dan sentiasa membantu ibu bapa dapat dilakukan dalam segenap perkara, termasuk komunikasi, iaitu memperbaiki cara bercakap serta berlembut dengan mereka.

Antara lain, anak seharusnya peka keperluan ibu bapa dan memastikan sentiasa ada masa berkualiti untuk bersama, bawa bersiar-siar dan sentiasa mengambil berat kesihatan mereka.

Anak perlu sedar, satu hari nanti akan tiba giliran kita menjadi

ibu dan bapa, maka pastikanlah waktu yang ada ini dimanfaatkan sebaiknya untuk menghormati dan menyayangi kedua-dua insan mulia itu supaya teladan akan menjadi ikutan bagi seluruh keturunan kelak.

Justeru, selain melakukan amal kebaikan, setiap umat Islam disarankan untuk istiqamah dalam berdoa supaya dikurniakan keturunan yang baik dan sanggup berbakti dalam apa sahaja keadaan.

Firman Allah SWT: *"Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang) yang berdoa dengan berkata: 'Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh daripada isteri dan zuriat keturunan kami perkara yang menggembirakan hati melihatnya dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang yang (mahu) bertakwa.'" (Al-Furqan: 74)*



Anak perlu peka kesihatan ibu bapa yang sudah berusia dan sentiasa jaga kebajikan mereka.